

05/09/1998

Shah Alam bakal tumpuan penggemar anggerik sedunia

Khalid Yasin

RENANTANDA Shah Alam, anggerik kacukan tempatan daripada Vanda Penang dan Renathere Kalsom sudah lapan tahun menjadi bunga rasmi ibu negeri Selangor, Shah Alam.

Ia diisytihar bunga rasmi Majlis Perbandaran Shah Alam (MPSA) pada 17 Ogos 1991 dan perasmiaannya dilakukan Menteri Besar Selangor ketika itu, Tan Sri Muhamad Muhd Taib.

Di majlis itu, Muhamad diberi penghormatan menamakan spesies anggerik baru hasil kacukan tempatan Vanda Penang dan Renathere Kalsom dan menghasilkan Renantanda Shah Alam.

Sejak itu, MPSA berperanan memperkenalkan anggerik dengan menganjurkan pelbagai aktiviti termasuk menanam anggerik di sekitar majlis pentadbirannya termasuk pada tiang lampu jalan.

Baru-baru ini, genap lapan kali MPSA menjadi tuan rumah Pameran Anggerik yang mengetengahkan pelbagai spesies anggerik dari seluruh dunia di Taman Tasik Shah Alam.

Pameran anggerik itu mulanya diadakan pada peringkat kebangsaan pada 1991 tetapi kemudian dinaikkan taraf ke peringkat antarabangsa pada 1996.

Bermula dari tahun itu, MPSA menganjurkan pameran peringkat antarabangsa dan sambutannya amat menggalakkan. Sepuluh negara mengambil bahagian dalam pameran tahun ini yang berlangsung selama lima hari berakhir 1 September lalu. Negara berkenaan selain tuan rumah ialah Syarikat, United Kingdom, Jerman, Australia, New Zealand, Filipina, Thailand, Indonesia dan Singapura.

Peserta yang merangkumi agensi kerajaan dan swasta tempatan mengambil bahagian dalam beberapa pertandingan di pameran itu.

Antara acara yang diadakan ialah Pertandingan Anggerik Terbaik, Pertandingan Lanskap Anggerik, Pertandingan Fotografi, pertandingan dan bengkel gubahan bunga, pertandingan melukis dan mewarna, acara orchid hunt, dan jualan pokok bunga dan peralatan perkebunan.

Menteri Besar Selangor, Abu Hassan Omar, berkata industri penanaman orkid perlu dilaksanakan secara besar-besaran kerana pasarannya sangat besar di luar negara dan mampu menjana ekonomi Malaysia yang gawat pada masa ini.

Abu Hassan berkata, kejayaan MPSA menganjurkan pameran orkid selama lapan tahun sehingga ini membolehkannya dipilih menganjurkan Persidangan Anggerik Sedunia ke-17 pada 2002 (WOC 2002).

Pegawai Perhubungan Awamnya, Normala Mohd Radzi, berkata pameran itu adalah persiapan MPSA ke arah menganjurkan persidangan itu yang diadakan tiga tahun sekali.

Beliau berkata, MPSA dipilih menganjurkan persidangan itu selepas mendapat undi terbanyak mengalahkan Tokyo dan Nagoya (Jepun) serta Adelaide (Australia) yang turut menawarkan diri pada September 1996 ketika persidangan itu diadakan di Rio de Janeiro, Brazil.

Menurutnya, WOC diadakan tiga tahun sekali dan Montreal (Kanada) akan menjadi tuan rumah kepada WOC ke-16 pada 1999 dan Shah Alam mewakili Malaysia pada 2002.

"Pemilihan Malaysia sebagai tuan rumah berdasarkan beberapa faktor yang berkait rapat dengan kejayaan negara dan kepemimpinan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad."

"MPSA juga memainkan peranannya dengan komitmen menganjurkan Pameran anggerik antara bangsa setiap tahun. Masyarakat antarabangsa turut menilai

keupayaan Malaysia sebagai tuan rumah kepada perjumpaan Ketua-ketua Negara Komanwel (CHOGM) pada 1990 dan sukan kedua terbesar dunia, Sukan Komanwel ke-16," katanya.

Di samping itu, Normala berkata, kemudahan infrastruktur dan sistem pengangkutan antara yang terancang di Asia, turut memainkan peranan membantu MPSA dipilih tuan rumah persidangan itu.

Beliau berkata, kedudukan Shah Alam yang berhampiran dengan Kuala Lumpur dan pintu-pintu masuk antarabangsa juga menyumbang faktor kejayaan Shah Alam menjadi tuan rumah WOC 2002.

Kira-kira 300 peserta dari 50 negara dijangka mengunjungi Malaysia pada WOC 2002, Shah Alam.

Antara kejayaan MPSA di peringkat antarabangsa dan tempatan ialah:

1) Anugerah Perbadanan Pelancongan Malaysia - MPSA meraih anugerah ini dua kali iaitu pada 1988 dan 1992 sebagai penguasa tempatan terbaik di bawah kategori Dewan Bandaran dan Majlis Bandaran/Perbandaran. Anugerah itu adalah anjuran Kementerian Kesenian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia.

2) Anugerah Bersih dan Indah pada 1991. MPSA mendapat sagu hati RM50,000 untuk program Bersih dan Indah anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

3) Anugerah Lanskap - MPSA menerima anugerah ini dua tahun berturut-turut iaitu pada 1991 dan 1992 dalam kategori lanskap terbaik.

4) Persidangan Orchid Sedunia ke-14 (WOC 1993) di Glasgow pada 1993. MPSA mendapat tempat kedua daripada 22 negara yang mengambil bahagian dalam kategori Hiasan Pavilion. Di dalam acara yang sama juga MPSA dianugerahkan Pingat Gangsa dalam kategori keratan Anggerik (Cut Flowers). MPSA menewaskan Australia dan Jepun untuk menjadi tuan rumah WOC 2002 pada 1996.

5) Kongres Anggerik Asia Pasifik pada 1994. MPSA membawa pulang Anugerah Mariposa iaitu anugerah terbaik untuk Pavilion Luar Negara di Manila.

6) Kongres Anggerik Eropah di Geneva, Switzerland pada 1997. Lima pokok anggerik yang dibawa MPSA mendapat penghargaan di dalam S.O.G Highest Commendation Certificate dan Ochidee 97 Award Certificate.

7) Pesta Flora Malaysia 1998 - Kereta berhias MPSA yang berharga RM175,000 sumbangan pemaaju di Shah Alam meraih Anugerah Khas juri.

8) Pesta Flora Mini Selangor sempena bulan Kebudayaan dan Pelancongan Negeri Selangor pada Julai lalu. Kereta berhias MPSA memenangi Anugerah Kreativiti dan Anugerah Terbaik Kenderaan pacuan empat roda.

(END)